

#barangbaikbarangkita



15 produk identiti Malaysia

Malaysia terkenal dengan pelbagai barangan yang cantik, berkualiti, unik dan tidak boleh didapati di negara lain. Berikut antara 15 produk tempatan yang menjadi identiti Malaysia. #barangbaikbarangkita

1 SONGKET
 Songket merupakan sejenis fabrik yang sangat eksklusif pembuatannya dan mahal harganya. Sebab itulah songket tidak sesuai dipakai setiap hari tetapi sesuai digayakan di majlis-majlis istimewa tertentu seperti perkahwinan. Kini, songket telah dinaiktarafkan pengayaannya dan boleh dipakai di mana-mana majlis glamor. Songket boleh didapati dengan pelbagai harga selepas ia disuntik dengan elemen kontemporari. Sebagai rakyat Malaysia, songket sepatutnya ada dalam koleksi anda.

2 BATIK
 Kalau nak jadi orang Malaysia, wajib ada baju batik! Jangan risau, baju batik kini lebih mudah didapati dalam pelbagai corak dan gaya. Rekaannya berbeza, lebih cantik dan moden mengikut cita rasa anak-anak muda zaman sekarang. Jadi tak boleh kata, batik untuk orang-orang tua sahaja. Selain baju, batik boleh juga dibuat pelbagai bentuk keperluan wanita seperti beg tangan, kasut dan tas tangan. Soal harga, usah risau kerana ia bergantung kepada kualiti fabrik dan corak canting yang dipilih. Kalau mahukan yang betul-betul berkualiti tinggi, janganlah berkira soal harga!

3 KAIN SARUNG
 Jangan-salah sangka, kain sarung bukan hanya untuk wanita. Setiap kain sarung ini mempunyai corak dan gaya tersendiri dengan pelbagai warna pilihan. Harganya pula serendah RM20, cukup murah kan! Kain sarung mudah digunakan dan boleh dipakai dalam pelbagai keadaan. Bayangkan tidur berkain sarung, pasti selesa.

4 CUCUK SANGGUL
 Cucuk sanggul biasanya perhiasan untuk pengantin perempuan. Tetapi tak ada masalah untuk mereka yang mahu tampil berbeza dan berminat jadinya hiasan sanggul. Jika menyukai cenderahati berkonsep tradisional dan unik, cucuk sanggul boleh dijadikan pilihan. Cucuk sanggul dijual di kedai khusus dan harga bergantung kepada kualiti ukiran.

5 MUTIARA SABAH
 Jika ke Sabah, tidak sah jika tidak membawa pulang perhiasan mutiara. Banyak kedai-kedai perhiasan dan barang kemas berasaskan mutiara menawarkan harga-harga menarik kepada pelancong. Sabah ibarat syurga mutiara, harga barang perhiasannya jauh lebih murah berbanding tempat lain. Jumlah ke Sabah, borong mutiara.

6 TEH SABAH
 Ada lagi kisah keistimewaan Sabah. Penggemar teh perlu mencuba Teh Sabah yang boleh didapati di Sabah dan Malaysia Barat. Ladang teh di pekan kecil Ranau terletak beberapa jam dari Kota Kinabalu dan mereka mengutip daun teh secara tradisional. Pelancong boleh melawat dan melihat sendiri cara mereka mengambil dan memproses daun teh. Dikatakan, daun teh itu mempunyai khasiatnya yang tersendiri. Sebelum membeli, cuba rasa secawan dan buatlah pilihan.

7 ALAT PERMAINAN TRADISIONAL
 Negara kita juga terkenal dengan alat permainan tradisional seperti congkak, wau dan gasing. Walaupun zaman telah berubah namun kesemua alat-alat permainan ini masih lagi boleh didapati, masih ada dijual terutama di pusat-pusat pelancongan dan masih lagi dimainkan. Pun begitu, tidaklah dimainkan secara kerap. Ada juga yang menjadikan congkak dan wau sebagai barangan hiasan di restoran. di rumah mahu pun di pejabat. Jika pandai menggayakannya, pasti klasik!



#barangbaikbarangkita



“Tepak sirih ini penting dalam adat istiadat dan tidak boleh digurahkan sembarangan, ditambah pula harganya yang mahal.”

Tepak sirih ini penting dalam adat istiadat dan tidak boleh digunakan sembarangan, ditambah pula harganya yang mahal.

Tepak sirih diadun hiasan tekat, ukiran kayu dan juga tembaga. Identiti masyarakat Melayu ini boleh didapati di pusat kraf tangan dan harganya bergantung kepada bentuk, saiz dan ukirannya.

8 MAKANAN TRADISIONAL

Malaysia dikenali dengan syurga makanan, semuanya sedap-sedap dan boleh didapati di semua negeri. Setiap negeri ada makanannya yang tersendiri. Dodol, lemang, ketupat, rendang antara makanan tradisional popular dan wajib ada. Paling istimewa, Malaysia sebagai negara berbilang bangsa turut mempunyai hidangan dan masakan tradisi bukan sahaja dari orang Melayu malah India dan Cina. Semua bangsa boleh menikmatinya bersama-sama dalam suasana harmoni.

Tekat ialah sulaman benang emas atau perak yang dibentuk menjadi daun dan bunga di atas kain jenis baldi. Dahulu, bahan tekat hanya digunakan golongan bangsawan, namun dikomersialkan untuk majlis raja sehari. Kraf tangan ini agak sukar ditemui pada masa kini. Namun, anda masih dapat menjumpainya di mana-mana kedai kraf tangan terutama di Perak.



11 LABU SAYONG

Zaman dulu, orang ramai menggunakan Labu Sayong sebagai tempat mengisi air dan airnya akan berasa sejuk dan nyaman diminum. Tetapi kini, Labu Sayong banyak digunakan sebagai produk kraf tangan, perhiasan dan cenderamata untuk sebarang majlis dan kenduri kahwin.

Labu Sayong adalah kraf tangan yang unik dan berseni, jadi setiap rumah perlu memilikinya sebagai tanda mencintainya produk tradisional.

13 BARANGAN ROTAN

Orang dulu-dulu banyak menggunakan bakul, pasu dan kerusi yang diperbuat daripada rotan. Seni tradisi ini semakin kurang mendapat tempat di hati masyarakat sekarang. Namun, produk berasaskan rotan ini sering menjadi perhatian buat mereka yang mementingkan alam sekitar dan seni tradisional.

14 SULAMAN MANIK

Sulaman manik dan labuci pasti menjadi tarikan buat kaum wanita kerana sulamannya yang cantik dan menarik. Namun, pembuatannya agak sukar kerana ia memerlukan ketelitian, kesabaran dan hasil kerja tangan yang rumit.

Bagaimanapun, sulaman jenis ini sentiasa mendapat tempat di hati wanita kerana corak dan manik pada kain itu akan menaikkan seri pemakai.

15 TENUNAN PUA


Jika ke Sarawak, pasti anda akan menemui kain tenunan pua yang dihasilkan oleh wanita Iban di Sarawak.

Tenunan pua boleh dijadikan hiasan dinding, alas meja, beg dan lain-lain.

Jika melancong ke Sarawak, anda perlu memilikinya kerana ia produk identiti negeri Keryalang. Harganya, amat berpatutan.

9 ALAT MUZIK TRADISIONAL

Gambus, gendang, gong, gamelan, rebana dan kompang antara alat muzik tradisional yang masih lagi dimainkan dalam setiap persembahan tradisional di negara kita. Walaupun tidak ramai yang pakar tetapi pewarisnya masih ada. Warisan ini perlu dipelihara kerana ia antara lambang identiti negara.



10 TEKAT

Ramai yang tidak kenal kraf tangan tekat. Di majlis kenduri kahwin, anda mungkin pernah melihat kipas dan bantal di atas kerusi pelamin, itulah tekat.

12 TEPAK SIRIH

Tepak sirih hanya biasa dilihat ketika majlis kahwin, majlis tunang dan majlis rasmi kerajaan. Ini kerana tepak sirih akan digunakan untuk majlis-majlis yang berkait dengan adat Melayu.